



NORMELISA MOHD. YADI (tengah) memeluk gambar keluarganya ketika melihat keputusan SPM bersama ibunya, Saripah Abu Bakar (tiga dari kiri) dan adik-adiknya di Kampung Losong Haji Awang, Kuala Terengganu, semalam.

- UTUSAN/DJOHAN SHAHRIN

Alangkah seronok jika ayah pulang lihat keputusan SPM - Normelisa

KUALA TERENGGANU 4 Mac - "Saya dan adik-beradik lain amat rindukan abah. Alangkah seronoknya kalau abah dapat pulang semula ke pangkuan keluarga dan dapat tengok sendiri keputusan peperiksaan saya ini".

Demikian luahan Normelisa Mohd. Yadi, 17, pelajar cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kategori Calon Berkeperluan Khas (CBK) mengenai bapanya, Mohd. Yadi Taib, 46, yang 'menghilangkan diri' tanpa khabar berita sejak tiga tahun lalu.

Menurut Normelisa, kegembiraan dan kejayaan memperoleh keputusan cemerlang 10A 1B dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diumumkan semalam menjadi lebih bermakna sekiranya bapa kesayangannya turut berada di sisi ketika ini.

Anak kedua daripada tujuh beradik itu berkata, dia bersama ibu serta adik-beradik yang lain akan tetap bersabar menanti kepulangan bapanya sambil mendoakan-nya selamat.

"Saya akui sejak ketiadaan abah saya rasa sedih, namun lamakelamaan saya lebih bersemangat untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya mendapat keputusan cemerlang ini."

"Kami sekeluarga tetap mengharapkan abah dapat pulang semu-

la dengan segera sebab kami semua rindukan abah," katanya hiba ketika ditemui di rumahnya di Kampung Losong Haji Awang di sini hari ini.

Semalam, Normelisa antara insan paling gembira apabila dinobatkan pelajar terbaik SPM 2015 bagi kategori CBK Terengganu setelah mendapat A+ dalam subjek Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah serta Pendidikan Syariah dan Islamiah.

Pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA) Khairiah Kuala Terengganu itu turut memperoleh A dalam Sejarah, Matematik, Kimia dan Biologi; A- dalam Bahasa Inggeris dan Matematik Tambahan manakala B+ dalam Fizik.

Normelisa menanggung kepayahan untuk bergerak dan terpaksa menggunakan kerusi roda setelah menghadapi penyakit saraf sejak berusia 11 tahun sebelum bapanya pula, Mohd. Yadi, seorang pemandu 'meninggalkannya' tiga tahun lalu.

Selain bercita-cita menjadi seorang pensyarah perubatan, dia juga memasang impian untuk menjadi pensyarah bahasa Arab di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini suatu masa nanti.

Pada masa ini, pelajar itu tinggal bersama ibunya, Saripah Abu Bakar, 46; kakak, Norselina, 19, serta empat adiknya iaitu Nuha

Aqilah, 11, Nor Syakira Balqis, 8, Nor Anissa Fitria, 6, dan Muhammad Adham, 2.

Seorang lagi adiknya, Nor Amelia, 14, sedang belajar dalam tingkatan dua di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Besut.

Dalam pada itu, ibunya, Saripah berkata, dia bersyukur dengan kejayaan yang dicapai Normelisa meskipun dalam serba kekurangan akibat kecacatan yang dialami.

Jelasnya, akibat penyakit saraf yang dihidapi, anak keduanya itu menghadapi kesukaran untuk bergerak apabila anggota tangan dan kaki sebelah kiri menjadi lemah dan hampir lumpuh.

Mengenai 'kehilangan' Mohd. Yadi, Saripah turut berharap agar suaminya itu dapat pulang semula ke pangkuan keluarga kerana anak-anak amat merinduinya.

"Saya harap dia dapat pulang semula untuk bersama keluarga di sini, saya pun dah maafkan dia dan apa yang berlaku biarlah berlalu," katanya.

Menurutnya, selain menjual sarapan di Pasar Chabang Tiga di sini, dia juga menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) bagi menyara keluarga.